

“Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak”  
Jabatan Perundingan Pendidikan  
— Soalan Lazim (FAQ) —

**【Tentang kemasukan pelajar ke sekolah】**

**Q 1** Bagaimanakah cara untuk mendaftar atau memohon pertukaran sekolah ke sekolah rendah atau sekolah menengah rendah awam di wilayah Hyogo?

A Sila pergi ke pejabat lembaga pendidikan perbandaran di kawasan tempat tinggal anda untuk mendapatkan maklumat dan berbincang tentang prosedur selanjutnya.

**Q 2** Bagaimanakah cara untuk mendaftar anak ke sekolah menengah awam di wilayah Hyogo?

A Pelajar perlu mengambil peperiksaan kemasukan ke sekolah menengah yang akan dijalankan setiap tahun pada bulan Mac. Di samping itu, beberapa sekolah menengah awam juga menawarkan ujian kemasukan atas rekomendasi termasuk pemilihan kemasukan khas bagi pelajar negara asing yang akan dijalankan pada bulan Februari. Maklumat lanjut mengenai peperiksaan tersebut akan dipaparkan di laman web Lembaga Pendidikan Wilayah Hyogo.

**Q 3** Bagaimanakah cara untuk memohon pertukaran sekolah anak ke sekolah menengah awam di wilayah Hyogo?

A Sila pilih sekolah menengah yang ingin dipohon bagi pertukaran sekolah anak di kawasan tempat tinggal anda dan hubungi pihak sekolah.

Sekiranya pengetua sekolah menengah meluluskan permohonan pertukaran tersebut, anda akan diminta untuk mengambil peperiksaan pertukaran. Sila hubungi sekolah tersebut untuk mendapatkan maklumat lanjut seperti tarikh, subjek dan kandungan ujian kerana butiran bagi peperiksaan pertukaran sekolah adalah berbeza-beza bagi setiap sekolah menengah.

**Q 4** Bagaimanakah cara untuk mendaftar atau memohon pertukaran anak ke Sekolah Menengah Rendah Awam Antarabangsa Ashiya atau Sekolah Menengah Awam Antarabangsa Wilayah Hyogo?

A Peperiksaan kemasukan untuk Sekolah Menengah Rendah Awam Antarabangsa Ashiya akan diadakan setiap tahun pada bulan Februari. Peperiksaan yang dijalankan termasuklah temuduga peribadi dan ujian karangan. Selain daripada itu, terdapat beberapa syarat kelayakan permohonan. Sila semak laman web sekolah untuk maklumat

lanjut.

Seterusnya, untuk mendaftar di Sekolah Menengah Awam Antarabangsa Wilayah Hyogo pula, pelajar dikehendaki untuk mengambil ujian kemasukan atas rekomendasi yang diadakan pada bulan Februari setiap tahun. Untuk maklumat lanjut, sila lihat laman web Sekolah Menengah Awam Antarabangsa Wilayah Hyogo.

Manakala untuk maklumat bagi permohonan pertukaran sekolah, sila berhubung dengan pihak sekolah tersebut untuk maklumat selanjutnya.

**Q 5** Adakah terdapat pemilihan kemasukan khas bagi pelajar negara asing di sekolah menengah awam?

A Ya. Terdapat ujian kemasukan khas yang telah dijalankan pada tahun 2020 bagi 5 sekolah berikut; Sekolah Menengah Awam Kohoku Kobe, Sekolah Menengah Awam Ashiya, Sekolah Menengah Awam Itami Kita, Sekolah Menengah Awam Kakogawa Minami, dan Sekolah Menengah Awam Koderu. Bilangan pemohon adalah 3 orang untuk setiap sekolah. Maklumat lanjut berkenaan ujian kemasukan khas akan dipaparkan di laman web Lembaga Pendidikan Wilayah Hyogo.

**Q 6** Bolehkah saya mendaftar di sekolah menengah di Jepun walaupun tempoh pendidikan wajib di negara asal saya adalah lebih singkat daripada Jepun?

A Pelajar yang telah menamatkan tempoh pendidikan formal selama 9 tahun dalam pendidikan sekolah di negara asing boleh mengambil ujian kemasukan. Sekiranya tempoh pembelajaran adalah kurang daripada 9 tahun, pelajar masih layak mengambil ujian kemasukan jika disahkan mempunyai kemampuan akademik yang setara atau lebih tinggi daripada mereka yang lulus sekolah menengah rendah atas peraturan pensijilan tamat sekolah menengah rendah. Untuk maklumat lebih lanjut, sila berhubung dengan Bahagian Pendidikan Sekolah Menengah Sekretariat Lembaga Pendidikan Wilayah Hyogo di talian 078-362-9444.

### **【Tentang ‘Pembantu Pelajar Pelbagai Budaya’】**

**Q 7** Adakah terdapat sebarang bantuan pembelajaran yang disediakan dalam bahasa ibunda di sekolah-sekolah dalam wilayah Hyogo?

A Bagi pelajar yang baru sahaja datang ke wilayah Hyogo dari negara lain, ‘Pembantu Pelajar Pelbagai Budaya’ yang boleh berbahasa ibunda akan hadir bersama, bergantung pada keadaan pelajar dan juga tertakluk pada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sila layari laman web utama Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak untuk maklumat lanjut.

Proses permohonan pembantu akan dibuat oleh pihak sekolah tempat

pelajar mendaftar.

**Q 8** Apakah peranan atau bentuk bantuan yang akan diberikan oleh 'Pembantu Pelajar Pelbagai Budaya' kepada pelajar asing?

A Pembantu Pelajar Pelbagai Budaya akan menggunakan bahasa ibunda pelajar untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah, pembelajaran dan kestabilan mental.

**Q 9** Bagaimanakah cara bagi memohon untuk menjadi 'Pembantu Pelajar Pelbagai Budaya' ?

A Ujian kelayakan akan dijalankan apabila 'Pembantu Pelajar Pelbagai Budaya' baru diperlukan. Sekiranya ujian akan dijalankan, kami akan maklumkan melalui laman web kami dan sebagainya.

**Q10** Bagaimanakah caranya untuk mendaftar sebagai Sukarelawan Pelajar Pelbagai Budaya?

A Permohonan bagi sukarelawan adalah dibuka sepanjang masa. Sila muat turun borang permohonan pendaftaran yang boleh didapati dari laman web kami, di bahagian 'sukarelawan'. Sila isi borang selengkapnya sebelum hantar kembali kepada kami.

### **【Tentang Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak】**

**Q11** Apakah jenis rujukan yang boleh saya dapatkan di Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak?

A Di Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak, kami menyediakan kaunseling pendidikan berkenaan pendaftaran dan kemajuan anak-anak berbangsa asing, pembelajaran Bahasa Jepun, dan bantuan pembelajaran. Sila hubungi kami untuk sebarang rujukan.

**Q12** Bagaimanakah caranya untuk menghubungi Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak untuk membuat sebarang rujukan?

A Anda boleh berhubung dengan pihak kami dengan cara hadir terus ke pejabat, atau hubungi kami di talian Telefon (079-735-4537)/Faks (0797-35-4538)/ Emel ([mc-center@hyogo-c.ed.jp](mailto:mc-center@hyogo-c.ed.jp)).  
Rundingan secara online juga diterima.  
Sila buat temu janji dahulu sebelum hadir ke pejabat, mahupun bagi rundingan secara online.

**Q13** Adakah penterjemah akan hadir sewaktu rundingan dibuat?

A Ya, namun permohonan awal perlu dibuat terlebih dahulu.

**Q14** Adakah sesiapa sahaja boleh meminjam bahan belajar dari Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak?

A Ya, pada dasarnya sesiapa sahaja boleh meminjam. Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi pihak kami.

**Q15** Adakah Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak dibuka pada hari Sabtu dan Ahad?

A Pusat ini ditutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti awam. Waktu operasi adalah jam 9.00-17.00 pada hari bekerja.

### **【Soalan tambahan】**

**Q16** Saya bimbang tidak boleh mengikuti pelajaran di dalam kelas kerana saya tidak boleh berbahasa Jepun.

A Bagi para pelajar yang tempoh kedatangannya ke Jepun kurang dari setahun, pihak wilayah Hyogo akan menghantar seorang ‘Pembantu Pelajar Pelbagai Budaya’ untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah. (Permohonan akan dilakukan oleh pihak sekolah)

Bagi mereka yang bersekolah di Jepun, kemahiran berbahasa Jepun adalah sangat penting. Jadi pelajar disarankan untuk berusaha menguasai Bahasa Jepun sedikit demi sedikit. Di Pusat Pelbagai Budaya Untuk Kanak-Kanak, kami menyediakan bahan dan buku untuk membantu pelajar menguasai Bahasa Jepun, dan ianya boleh dipinjam oleh sesiapa sahaja. Di samping itu, di laman web Persatuan Antarabangsa Wilayah Hyogo ada diperkenalkan kelas Bahasa Jepun yang diadakan dan dapat disertai di setiap daerah. Sekiranya pelajar menghadapi sebarang masalah, para guru kelas bersedia untuk membantu. Sila berbincang dengan mereka.

**Q17** Di manakah saya boleh pelajari Bahasa Jepun?

A Sila layari laman web utama Persatuan Antarabangsa Wilayah Hyogo untuk maklumat mengenai kelas Bahasa Jepun yang disediakan di setiap daerah dan cara untuk menyertainya.